

05 DEC 2001

Mahathir-Sederhana

KEJAYAAN M'SIA SEBAHAGIAN KERANA SOKONGAN KUAT GOLONGAN SEDERHANA

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata "sokongan kuat" golongan majoriti berpendirian sederhana dikalangan umat Islam di negara ini membantu menjadikan Malaysia negara yang berjaya.

" Di Malaysia, memang benar, kita lebih berjaya daripada negara Islam yang lain. Ini memerlukan kesungguhan yang kuat, ketabahan, kesediaan menerima kritikan dan juga sokongan golongan majoriti.

" Saya sendiri mendapat sokongan kuat daripada golongan majoriti Islam yang berpendirian sederhana di negara saya. Dan inilah sebab mengapa saya boleh berjaya," kata beliau dalam temuramah dengan majalah Perancis L'Expansion yang disiarkan dalam keluaran 22 Nov-5 Dis.

Kerajaan di negara-negara Islam yang lain tidak dapat mencapai kejayaan kerana tidak mendapat sokongan ramai dan negara mereka kekal miskin, kata Dr Mahathir ketika ditanya sama ada sebagai negara yang mempunyai penduduk majoriti Islam, kejayaan Malaysia disebabkan oleh nasib yang baik.

" Dalam setiap masyarakat Islam, kamu akan mendapati ada golongan minoriti yang mahu mewujudkan negara Islam dan akan cuba menghalang kerajaan daripada membangunkan negara daripada segi ekonomi," kata beliau.

Dr Mahathir berkata golongan minoriti bukannya menggalakkan umat Islam belajar dan memperolehi kemahiran tetapi sebaliknya mahu mereka hanya mempelajari mengenai agama dan bukan yang lain dan ini menyebabkan umat Islam tidak dapat mengejar masa yang tercicir.

" Semua negara Islam sedar tentang kesan buruk daripada fahaman ekstremis. Sebahagian besar daripada tenaga kita, umat Islam tertumpu bagi menangani masalah dalaman ini, kata beliau.

Beliau menarik perhatian bahawa empayar Islam yang zaman lampau diasaskan berdasarkan ajaran Islam sambil berkata jika semua umat Islam mematuhi ajaran Islam, mereka akan mengalami kejayaan yang paling besar di bumi ini.

" Hari ini, sesetengah kumpulan pelampau memutarbelitkan ajaran Islam bagi memenuhi kepetingan peribadi dan politik mereka," kata Perdana Menteri.

Mengenai keganasan oleh kumpulan Islam di Malaysia, Dr Mahathir berkata negara telah menyaksikan kemunculan kumpulan seperti itu terdiri daripada golongan Islam yang cenderung untuk menjadikan Malaysia apa yang mereka panggil sebagai negara Islam.

Kumpulan-kumpulan pelampau di negara ini cuba menjatuhkan kerajaan dengan pergi ke Pakistan dan kemudian ke Afghanistan untuk dilatih oleh Osama bin Laden dan Taliban, kata beliau sambil merujuk kepada jutawan Arab Saudi dan pemimpin Afghanistan yang disingkirkan yang menjadi buruan tentera pimpinan Amerika Syarikat berikutan serangan ke atas Amerika pada 11 Sept.

" Tetapi menuduh kita menyembunyikan penjenayah semata-mata kerana beberapa orang penganas telah dilihat di Malaysia, ini tidak munasabah," kata beliau ketika ditanya mengenai dakwaan bahawa Malaysia juga digunakan oleh seorang daripada juruterbang pesawat dalam insiden serangan 11 Sept untuk membuat hubungan dengan beberapa kumpulan pelampau di negara ini.

" Kami telah mengenal pasti, menahan dan memasukkan mereka (golongan pelampau) ke dalam penjara. Kami juga telah menghalang serangan ke atas kelasi-kelasi Amerika di salah sebuah daripada pelabuhan di negara ini...kami tahu bagaimana untuk menanganinya.

"Tetapi sudah tentu, jika pengganas asing yang kami tidak tahu datang ke negara ini dengan menyamar sebagai pelancong, kami tidak pasti sama ada dapat memberkasnya," kata beliau.

Perdana Menteri berkata pengganas-pengganas yang bertanggungjawab bagi serangan 11 Sept tidak langsung menjadi suspek oleh pihak berkuasa berkenaan.

Dr Mahathir berkata tiada siapa menuduh kerajaan Switzerland bersubahat dengan pengganas walaupun beberapa orang daripada pengganas yang terlibat dalam serangan 11 Sept juga tinggal di Switzerland.

Mengenai penggunaan matawang Euro bagi mengimbang balas nilai dolar Amerika, Dr Mahathir berkata negara-negara Asean memang mahu memilih Euro tetapi syarikat-syarikat Eropah seringkali enggan berurusan dengan apa-apa yang lain kecuali greenback.

" Bagaimanakah kamu hendak mengharap kami menaruh keyakinan kepada mata wang kamu sedangkan kamu sendiri tidak," kata beliau dengan mengakhiri temuramah itu yang diadakan bulan lepas di pejabat beliau di Putrajaya, pusat pentadbiran baru Persekutuan.

Majalah itu menyifatkan Malaysia sebagai satu-satunya negara dengan penduduk majoriti Islam yang dapat mengelak daripada terjerumus ke dalam kancan kemiskinan dan mengalami kejayaan ekonomi.

L'Expansion menyifatkan kejayaan ini hasil kebijaksanaan Dr Mahathir yang memimpin negara ini selama lebih 20 tahun.

" Beliau-lah yang merancang pembangunan, mengenakan perlindungan tetapi sentiasa berusaha untuk menjadikan Malaysia sebagai juara eksport, melaksanakan pembinaan masjid dan lapangan terbang dengan pesat, memberi keutamaan kepada Bumiputera dan pada masa yang sama tidak melupakan kaum Cina dan India yang memainkan peranan penting dikalangan ahli perniagaan,".

L'Expansion menyifatkan Dr Mahathir sebagai rakan Presiden Perancis Jacques Chirac sambil berkata perdana menteri telah menunjukkan kelantangannya bersuara seperti juga "de Gaulle or Lee Kuan Yew, dengan mengkritik sistem kewangan antarabangsa, mengecam penguasaan Amerika dan pada masa yang sama mengulangi bahawa nilai-nilai Asia mengatasi sikap individualistik dan materialistik Barat".

-- BERNAMA

HK AHH RYN FAZ